

LIAM bawa Upin Ipin ceriakan kanak-kanak kanser

KUALA LUMPUR 17 Feb. - Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) meraikan kira-kira 40 pesakit kanak-kanak di Wad Onkologi, Unit Pediatrik Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini hari ini sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Dengan menampilkan maskot watak kartun popular, Upin dan Ipin, program tersebut ternyata membawa keceriaan kepada pesakit di wad berkenaan sekali gus memberi sokongan moral kepada kanak-kanak terlibat yang menghidap kanser.

Presiden LIAM, Vincent Kwo berkata, sempena program ini juga, pihaknya menyampaikan sumbangan kepada pesakit terlibat berupa permainan, buku cerita, tabung, alat tulis dan produk cenderamata karakter Upin dan Ipin.

"Kehadiran maskot kembar animasi Upin dan Ipin dapat menggembirakan kanak-kanak terlibat kerana



Adalah sesuatu yang cukup menyentuh hati melihat kanak-kanak penghidap kanser ini tersenyum girang apabila maskot Upin dan Ipin datang beramah mesra dengan mereka."

**VINCENT KWО
Presiden LIAM**

sebelum ini mereka hanya mampu untuk melihat watak animasi tersebut di kaca televisyen sahaja.

"Apa yang dilakukan ini adalah sebagai sokongan moral kepada

para pesakit dan ibu bapa mereka dalam mengharungi ujian ini," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis tersebut di sini hari ini.

Vincent berkata, adalah sesuatu yang cukup menyentuh hati melihat kanak-kanak penghidap kanser ini tersenyum girang apabila maskot Upin dan Ipin datang beramah mesra dengan mereka.

"Mereka berpeluang mengambil gambar dengan maskot Upin dan Ipin serta dapat meluangkan masa dengan karakter animasi tersebut dari atas katil hospital.

"Ini sangat menyentuh hati lebih-lebih lagi sebahagian daripada mereka akan meraikan Tahun Baru Cina di hospital," katanya.

Menurut Vincent, lawatan tersebut adalah salah satu inisiatif khidmat masyarakat bagi memenuhi komitmen sebagai warga korporat yang bertanggungjawab.



VINCENT KWО (berdiri, kanan) bersama maskot watak kartun popular, Upin dan Ipin beramah mesra dengan adik Nur Shafira Damia Noor Ariff Irman (duduk, dua dari kanan) semasa mengadakan lawatan ke Wad Onkologi, Unit Pediatrik Hospital Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD